

12/04/1997

Petra kuasai kilang NKNK Tatarstan

Hatipah Ahmad

KUMPULAN Petra menerusi anak syarikatnya, Petra Khyra Investments Ltd (PKIL) memeterai perjanjian dengan Republik Tatarstan untuk menguasai kilang petrokimia milik negara itu, AO Nisnekamskneftekhim (NKNK), semalam.

Dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, Pengerusi Eksekutif Petra, Datuk Vinod Sekhar, berkata pihaknya bercadang melabur RM375 juta (AS\$150 juta) untuk menyuntik modal pembangunan yang mewakili 51 peratus daripada modal NKNK.

Katanya, pelaburan Petra itu akan digunakan untuk memberi nafas baru dalam pemodenan kilang NKNK dan ia dijangka dibiayai menerusi dana dalaman dan pinjaman bank.

"Sehubungan itu, Petra bercadang mengumpulkan dana yang diperlukan itu bagi melaksanakan opsyen daripada pasaran ekuiti di Malaysia di bawah garis panduan baru penyenaaran aset asing yang dikuasai rakyat tempatan di BSKL," katanya dalam kenyataan berkenaan.

Majlis memeterai Perjanjian berkenaan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Tatarstan, SH Shaimiev.

Sekhar berkata, pelaburan Petra dalam NKNK itu akan digunakan untuk meningkat dan memperbaiki produktiviti kilang serta membuka peluang pelaburan strategik dalam pelbagai bidang terutamanya industri petrokimia antara kedua negara.

NKNK mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM281 juta bagi tahun kewangan 31 Disember 1995 dan asetnya mempunyai nilai buku bersih RM2.7 bilion serta nilai gantian semasa RM5 bilion.

Pertumbuhan ekonomi Republik Tatarstan pada 1997 dijangka berkembang pada kadar lima peratus dan Keluaran Dalam Negara Kasar ialah RM27.5 bilion (AS\$11 bilion) iaitu antara yang tertinggi di kalangan negara bekas Soviet.

Antara pelabur terbesar di republik itu ialah Perancis, Jerman dan Amerika Syarikat dalam pelbagai bidang seperti minyak dan petrokimia, pengilangan, automotif, penerbangan dan pertahanan.

(END)